

# Dua naib canselor dilantik Kapten Kehormat Pasukan Simpanan TLDM

um 17.10.2012 23

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Dua naib canselor institusi pengajian tinggi awam dilantik sebagai Kapten (Kehormat) Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM).

Mereka ialah Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Mohd. Harun Abdullah dan Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Datuk Dr. Ibrahim Komoo.

Kedua-duanya adalah antara enam penerima terdiri daripada golongan profesional yang dianugerahkan pangkat Kapten, Komander dan Leftenan Komander (Kehormat) dalam majlis Pemakaian Pangkat Kehormat di Kementerian Pertahanan di sini hari ini.

Turut menerima anugerah Kapten (Kehormat) ialah Orang Besar Jajahan Manjung, Perak, Datuk Ab. Wahab Azizul Hassan.

Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Jaafar berkata, pemakaian pangkat Kehormat itu antara inisiatif Kementerian Per-

tahanan menarik minat golongan profesional dan penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi awam (IPTA) menyertai PSSTLDM.

Pentaulahan itu juga katanya, diharap dapat mengerakkan kerjasama IPTA dengan TLDM.

"Kita sangat berbesar hati dengan penyertaan golongan-golongan profesional ini dan diharap usaha ini dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu TLDM dan IPTA itu sendiri.

"Penglibatan golongan profesional dilihat dapat menerapkan budaya kerja berdisiplin TLDM dalam kalangan penuntut," katanya.

Dalam pada itu, Mohd. Harun ketika ditemui selepas majlis tersebut berkata, pihaknya sentiasa memberikan kerjasama yang jitu kepada TLDM bagi meningkatkan inovasi industri teknologi pertahanan serta sumber manusia.

Katanya, UMS sendiri mempunyai penuntut yang berkebolehan, berkelayakan dan dinamik "untuk berkhidmat bersama TLDM.

"Penuntut-penuntut kita yang terdiri daripada Palapes-TLDM sangat komited dengan pengajian dan badan beruniform terutamanya TLDM. Oleh itu kita berharap, UMS boleh menjadi satu wadah maklumat serta bekerjasama lebih erat dengan TLDM pada masa akan datang," katanya.

Bagi Ibrahim pula, selain memberikan komitmen yang tinggi dalam usaha kerjasama antara UMT dengan TLDM, sebahagian besar kajian berkaitan bidang Sains Penyebarluasan Lautan yang dijalankan juga dilihat mempunyai kaitan dengan pasukan itu.

"UMT turut mempunyai pasukan Palapes-TLDM dengan kira-kira lebih 200 anggota penyertaan terdiri daripada golongan profesional, kakitangan sokongan dan para penuntut.

"Saya mengharapkan lebih banyak kerjasama erat di antara UMT dengan TLDM supaya industri pertahanan kita berkembang maju," katanya.



MOHD. HARUN Abdullah (kiri) dan Ibrahim Komoo menunjukkan sijil Tauliah Kapten (Kehormat) Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) yang diterima oleh mereka di Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur, semalam.